



Jeanne dan Abdullah bergambar kenangan dengan peserta program Know Our Forest sebelum sesi pelepasan peserta bagi aktiviti orienteering di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong.

# Tarik pelajar teroka keunikan hutan

Oleh Rosniza Mohd Taha

yoniza@bh.com.my

► Puchong

Open University Malaysia (OUM) melancarkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) berdasarkan pendidikan alam sekitar, Know Our Forest, di Hutan Simpan Ayer Hitam Puchong, di sini.

Canselor OUM yang juga Pengerusi Landskap Malaysia, Tun Jeanne Abdullah, berkata program itu diadakan bagi mendidik generasi muda menghargai dan mencintai khazanah semula jadi.

Katanya, pendedahan diterima menerusi pembelajaran yang menggunakan pendekatan menarik itu diharap

meningkatkan kesedaran pelajar yang terbabit dalam program berkenaan mengenai peranan mereka dalam memulihara alam sekitar.

"Gunung, lembah, aliran sungai dan hidupan yang mendiami hutan yang dikelilingi pokok serta pelbagai spesies tumbuhan mempunyai fungsi dan peranannya sendiri bagi memastikan keseimbangan alam dan ekosistem bumi bagi mengelak bencana termasuk tsunami, tanah runtuh dan banjir."

## 'Peparu hijau'

"Program ini mengeratkan kerjasama antara OUM dan Landskap Malaysia bagi memastikan generasi masa depan menyedari tanggungjawab mereka untuk menggunakan segala sumber yang ada di atas muka bumi dengan pertimbangan sewajarnya dan berhemah," katanya ketika berucap meras-

mikan program itu di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi; Presiden/Naib Canselor OUM, Prof Tan Sri Anuwar Ali serta Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin.

Sementara itu, Prof Anuwar berkata, menerusi program itu, seramai 60 pelajar sekolah menengah berpeluang melihat sendiri keindahan flora dan fauna di kawasan hutan hujan seluas 1,170 hektar itu.

"Menerusi aktiviti menarik seperti orienteering, pelajar sekolah dibimbing fasilitator dari UPM bagi meneroka hutan pengajaran dan penyelidikan UPM yang turut dikenali sebagai 'peparu hijau' terbesar di Lembah Klang," katanya.